



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Pejabat Pendidikan Daerah Hilir Perak
Jabatan Pendidikan Negeri Perak
Jalan Maharajalela
36000 Teluk Intan
Perak Darul Ridzuan.

Tel : 05-6221970
Faks : 05-6231971
Portal : <http://jpnperak.moe.gov.my/jpdhilirperak>

Rujukan Kami : PPD.HIP.500-3/10/2(5)
Tarikh: 1 Mac 2019

Guru Besar,
Sekolah Rendah Daerah Hilir Perak.

Tuan,

**URUSAN MEMPROSES DAN MELULUSKAN PENYATA PERUBAHAN (KEW. 8)
PERGERAKAN GAJI TAHUN 2019 BAGI SEKOLAH RENDAH DAERAH HILIR PERAK**

Dengan hormatnya, perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa jabatan ini akan melaksanakan proses kelulusan Penyata Perubahan (Kew. 8) Pergerakan Gaji Tahun 2019 bagi Sekolah Rendah Daerah Hilir Perak yang akan diadakan pada tarikh, masa dan tempat seperti ketetapan berikut:

Tarikh: 13 Mac 2019
Masa: 8.00 Pagi hingga 1.00 Tengahari
Tempat: Dewan Alamanda, Pejabat Pendidikan Daerah Hilir Perak.

3. Sehubungan dengan itu, tuan dikehendaki menyediakan tiga (3) Salinan Penyata Perubahan seperti contoh di Lampiran berserta dokumen sokongan seperti berikut:

- 3.1 Sesalinan Surat Keputusan Panel Pembangunan Sumber Manusia bagi tahun 2019
- 3.2 Sesalinan Penyata Perubahan (Kew. 8) Pergerakan Gaji 2018 / Kenaikan Pangkat / Pelarasan Gaji / Pemangkuan / Perlantikan Tetap

4. Dipohon kerjasama tuan supaya dapat memberi pelepasan kepada seorang Pembantu Tadbir di sekolah tuan hadir bagi kelulusan Kew. 8 tersebut dengan membawa alat tulis dan stampad.

5. Bagi sekolah yang belum menghantar sesalinan slip gaji bulan Disember 2018, Akta Rahsia Rasmi dan Pengumpulan Cuti bagi tahun 2018 adalah diwajibkan membawa bersama dokumen tersebut untuk dikemaskini dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan.

Kerjasama daripada pihak tuan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(MAT HAMDAN BIN AMIN)

Timbalan Pegawai Pendidikan Daerah,
b.p Pegawai Pendidikan Daerah Hilir Perak

NAMN/fauziahBRP2019